

NO SOALAN : 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

**TARIKH : 03.08.17
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai projek Littoral Mission Ship dari segi :-

- (a) Jangkaan berat kapal dan kelajuan maksimum, perbezaan misi di antara kapal Kelas Kedah dan LMS; dan
- (b) Sama ada reka bentuk Type 056 dari China akan dipakai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kapal Littoral Mission Ship (LMS) mempunyai sesaran (displacement) 710 ton dengan kelajuan 22 knot.

Pada amnya, kapal Kelas Kedah merupakan kapal ronda TLDM yang digunakan untuk rondaan luar pantai dan mempunyai geladak penerbangan untuk operasi bersama helikopter. Manakala LMS tidak mempunyai geladak penerbangan namun mempunyai kemampuan pelbagai fungsi merangkumi rondaan, operasi *Unmanned Aerial Vehicle* dan *Autonomous Underwater Vehicles* menggunakan konsep *modular cabin*.

LMS tidak menggunakan rekabentuk Type 056 dari China sebaliknya menggunakan rekabentuknya sendiri.